

# Jadikan masjid sebagai medan pendidikan sejarah, patriotisme

**Prof Madya Dr Mohamed Ali Haniffa,**  
Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM)

**Islam** menjadi tenaga pendorong dan penguat kepada kesedaran serta perjuangan orang Melayu menentang penjajahan. Pengaruhnya dalam konteks perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu menonjol kerana perjuangan awal nasionalisme Melayu dipelopori tokoh dan pemimpin agama atau mereka yang berjiwa agama.

Ulama banyak menabur jasa dalam usaha membina, menyubur dan menyumbang ilmu melalui sistem pendidikan pondok serta halaqah di masjid.

Hakikatnya, selepas 1945 adalah tahap getir dan penting dalam perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu, iaitu sejurus selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua.

Institusi masjid dan surau ketika Perang Dunia Kedua pernah dijadikan lokasi berkumpul, mempelajari ilmu agama dan mempraktikkan ilmu kebatinan Melayu ketika dizalimi komunis. Ilmu tarekat turut menjadi sebahagian amalan dalam kalangan masyarakat Melayu ketika itu.

Maahad al-Ihya' al-Syarif di Gunung Semanggol dipimpin Abu Bakar Al-Baqir juga penting dalam melahirkan ramai tokoh perjuangan kebangsaan.

Sumbangan ulama dalam memperjuangkan kemerdekaan tanah air tidak boleh disangkal. Ulama pada abad ke-19 muncul di kebanyakan negeri seperti Terengganu, Kelantan, Kedah, Pahang, Perlis, Perak dan Pulau Pinang.

Kedatangan ulama ke negeri Melayu berjaya me-

nyuntik semangat jihad dalam kalangan penduduk. Masjid bukan sahaja penting sebagai pusat ibadah dan penyatuan masyarakat, malah mempertahankan maruah bangsa.

## **Kenang sumbangan ulama tempatan**

Sumbangan ulama tempatan seperti Syeikh Haji Fadhil al-Banteni, Tuan Guru Haji Yahya Thaha, Tuan Guru Haji Abbas dan Tok Pawang Nong Santan perlu dikenang.

Syeikh Abdullah Fahim, termasuk antara ulama

“Sempena sambutan Bulan Kebangsaan, sampai masanya institusi pendidikan dan masjid bekerjasama anjurkan pelbagai program, sekaligus menjadi wahana membina bangsa Malaysia yang bersatu”

mendalami ilmu falak. Tokoh berkenaan menjadi rujukan Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman dalam menentukan tarikh kemerdekaan sebelum Rombongan Merdeka berangkat ke London pada 1956.

Pengkisahan sejarah perjuangan ulama penting kerana generasi muda kini lebih mengenali tokoh politik berbanding tokoh agama dan pejuang tempatan dalam perjuangan kemerdekaan.

Sempena sambutan Bulan Kebangsaan, sampai masanya institusi pendidikan dan masjid bekerjasama menganjurkan pelbagai program, sekaligus menjadi wahana membina bangsa Malaysia yang bersatu.

Sumbangan ulama dan ahli agama perlu dihargai. Golongan pendidik dan ilmuwan tempatan wajar diberikan ruang untuk berkongsi ilmu dengan masyarakat.

Ini secara tidak langsung akan membuka ruang bagi menarik belia mencintai institusi keagamaan.

Bukan itu sahaja, sumbangan etnik lain dalam memperjuangkan kemerdekaan negara juga perlu disampaikan dalam usaha membina keharmonian.

Usah hanya ibarat 'mantera' yang kehilangan sakti dan kepedulian terhadap gagasan bangsa Malaysia dan patriotisme Malaysia itu hanya bermusim.

Jika masjid kembali berperanan sebagai medan pendidikan sejarah dan patriotisme, sambutan Bulan Kebangsaan tidak lagi sekadar dihiasi kibar Jalur Gemilang.